

SIARAN AKHBAR

S.A. 2026/09/15_23 (HQ)

RESPONS KEPADA ISU BIL ELEKTRIK: MEKANISME AFA PASTIKAN KETELUSAN DAN PERKONGSIAN KOS YANG ADIL SEJAK JULAI 2025

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil maklum mengenai kebimbangan segelintir pengguna berkenaan bil elektrik, terutamanya berkaitan komponen Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (Automatic Fuel Adjustment – AFA). Kami memahami bebanan kos sara hidup dan ingin menjelaskan bagaimana mekanisme AFA berfungsi dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan bagi melindungi pengguna.

AFA diperkenalkan bermula 1 Julai 2025 berikutan penstrukturan tarif elektrik sebagai ganti kepada mekanisme Imbalance Cost Pass-Through (ICPT). Justeru, AFA bukan caj tambahan baharu dan ianya tidak menyalurkan keuntungan terhadap TNB. AFA berfungsi sebagai mekanisme dua hala untuk mengimbangi perubahan kos bahan api dan kadar tukaran wang asing.

Pengguna Domestik Bawah 600kWj Dilindungi Sepenuhnya

Pengguna domestik dengan penggunaan 600kWj ke bawah sebulan adalah dikecualikan sepenuhnya daripada caj AFA, sama ada dalam bentuk rebat atau surcaj. Tambahan lagi, pengguna di dalam julat ini turut dikecualikan daripada dikenakan cukai perkhidmatan 8% dan Caj Peruncitan.

Malah, di bawah tarif baharu ini, kumpulan ini membayar kira-kira 2% hingga 14% lebih rendah berbanding tarif sebelum ini, bergantung kepada tahap penggunaan.

Mekanisme dua Hala: Kongsi Manfaat dan Kos

Apabila kos bahan api global lebih rendah, pengguna menikmati kadar rebat, dan jumlah penjimatan dipulangkan terus ke dalam bil elektrik. Sejak pelaksanaan tarif elektrik baharu, pengguna menikmati rebat AFA selama sembilan bulan berturut-turut dari Ogos 2025 hingga April 2026.

Apabila kos bahan api global lebih tinggi, perbezaan kos diselaraskan melalui kadar surcaj. Surcaj hanya mula dikenakan pada Mei 2026 apabila kos penjanaan meningkat berikutan krisis di Asia Barat.

Jumlah Rebate Melebihi Surcaj

Sejak AFA diperkenalkan, secara keseluruhan pengguna telah menerima manfaat yang lebih besar, dengan sejumlah RM3.1 bilion rebate AFA telah diterima berbanding nilai surcaj AFA sebanyak RM0.8 bilion.

Selain itu, Kerajaan telah menyalurkan tambahan RM435 juta melalui Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) untuk mengurangkan impak surcaj AFA kepada pengguna.

Kadar AFA September 2026 dan Impak Ke Atas Bil

Kadar AFA bagi September 2026 ialah +3.67 sen/kWj. Maklumat ini dikemaskini dan dikongsikan setiap bulan di portal www.mytnb.com.my/tariff selepas pengesahan dari Suruhanjaya Tenaga.

TNB ingin menjelaskan bahawa AFA tidak menyebabkan peningkatan mendadak dalam bil elektrik.

Faktor-faktor seperti musim perayaan, cuti sekolah, bekerja dari rumah mempengaruhi pola penggunaan peralatan elektrik di rumah dan memberikan kesan rantaian kepada bil bulanan.

Empat Langkah Praktikal Untuk Kurangkan Bil Anda

TNB komited membantu anda mengawal penggunaan, bermula dengan empat langkah mudah:

1. Pantau penggunaan - Guna aplikasi myTNB untuk pantau penggunaan elektrik secara bulanan dan harian (bagi pengguna meter pintar).
2. Amalkan kecekapan tenaga - Tetapkan penyaman udara antara 24°C – 26°C dan gunakan pemasa. Guna peralatan elektrik dengan penarafan 4 atau 5 bintang.
3. Bertukar ke Time of Use (TOU) - Guna tenaga waktu luar puncak, iaitu antara 10 malam hingga 2 petang (Isnin – Jumaat) serta sepanjang hari (Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) bagi menikmati kadar tarif yang lebih rendah.
4. Melabur dalam solar bumbung - Di bawah inisiatif Solar ATAP dan SuRIA Home, pengguna layak menerima rebat sehingga RM3,000 untuk sistem 5kWac dengan tempoh pulangan modal sekitar 8 tahun.

TNB Komited Membantu Anda

TNB kekal komited dalam memastikan setiap bil elektrik yang dibayar pengguna mencerminkan kos sebenar.

TNB ingin turut menekankan bahawa AFA bukan mekanisme sehalu. Apabila kos menurun, pengguna menikmati rebat, dan apabila kos meningkat, perbezaan kos dikongsi bersama. Pada masa yang sama, pengguna domestik kekal dilindungi melalui ambang 600kWj ke bawah sebulan.

Untuk sebarang pertanyaan berkaitan AFA atau sekiranya memerlukan maklumat lanjut mengenai bil elektrik anda, pasukan khidmat pelanggan kami bersedia untuk membantu anda. Rujuk portal www.mytnb.com.my/tariff atau hubungi pasukan kami melalui:

1. Talian 1300-88-5454 yang beroperasi dari 8.00 pagi hingga 7.00 malam pada hari bekerja, dan dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hujung minggu dan cuti umum.
2. Private Message (PM) di Facebook TNB Careline
3. Direct Message (DM) ke X @Tenaga_Nasional
4. E-mel kepada CareLine@mytnb.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Tenaga Nasional Berhad (TNB) (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti terkemuka di Malaysia dan Asia dengan operasi antarabangsa di United Kingdom (UK), Ireland, Australia, Turkiye, Arab Saudi, Kuwait, Pakistan dan Kemboja. Dalam sektor tenaga boleh baharu, TNB memiliki jumlah kapasiti penjanaan sebanyak 3.5GW di Semenanjung Malaysia (termasuk 2.5GW hidro berskala besar) dan 1.3GW merangkumi UK, Ireland, Australia dan Turkiye, yang terdiri terutamanya daripada aset penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Selain menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2026, TNB membekalkan elektrik kepada lebih 11 juta pelanggan.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 September 2026 jam 6:30 petang

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 /

Haikal Jalil 012-2270161 / Faiq Haikal 013-3889606

Atau emel kami di: media@tnb.com.my